

CNS8053

U PB 13-09 00176 BH351

aab

Mahathir - timbalan

SAYA SEORANG TAK BOLEH HALANG PERTANDINGAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau seorang tidak boleh bertindak untuk mengelakkan pertandingan jawatan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan parti November ini.

"Itu terpulang kepada kepimpinan Umno ... kepimpinan Umno bukan saya seorang sahaja," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perhutanan Komanwel di sebuah hotel di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, ditanya sama ada pemimpin parti akan berusaha menghalang pertandingan itu memandangkan majoriti besar yang diterima oleh Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi pencalonan berbanding Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba yang ingin mempertahankan jawatan itu.

Setakat semalam, Anwar, yang juga naib presiden, memperolehi 81 pencalonan manakala Ghafar hanya enam setelah 87 daripada keseluruhan 153 bahagian selesai mengadakan persidangan perwakilan.

Ketika ditanya sama ada Majlis Tertinggi Umno akan membincangkan perkembangan itu pada mesyuaratnya sebelum perhimpunan agung, Dr Mahathir berkata itu terpulanglah kepada majlis tertinggi. -- lagi

zz rs

▼13/09/14-49MST

CNS8074

U PB 13-09 00133 BH352

aab

Mahathir - Timbalan 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga mengulangi pendiriannya yang berkecuali dalam pemilihan itu ketika seorang pemberita bertanya sama ada beliau fikir Anwar lebih layak daripada Ghafar untuk membantunya mencapai matlamat Wawasan 2020.

"Saya tak boleh buat judgement, semua orang kata dia boleh tolong...kalau dia tak boleh tolong, tentulah dia tak bertandingpun.

"Itu terpulanglah kepada ahli-ahli untuk buat keputusan, jangan tanya saya.

"I am neutral (Saya berkecuali)," katanya dan secara bergurau merujuk kepada lakaran kartunis terkenal Lat dalam sebuah akhbar hari ini yang menggambarkan pendiriannya itu.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa beliau sebenarnya merujuk kepada pertandingan untuk jawatan ketua bahagian ketika membuat kenyataan beberapa hari lepas bahawa mereka yang tidak mempunyai peluang untuk menang sepatutnya tidak bertanding. -- lagi

▼13/09/15-27MST

CNS8108

U PB 13-09 00164 BH359

aab

Mahathir - Timbalan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

"Saya bercakap mengenai ketua bahagian dan berkenaan diri saya sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata ingatannya itu diberikan supaya tidak terlampau ramai yang hendak bertanding jawatan ketua bahagian sehinggakan mereka yang tiada peluang pun hendak bertanding juga.

Ketika ditanya sama ada cadangannya itu boleh digunakan untuk pemilihan jawatan timbalan presiden memandangkan perbezaan yang besar dalam pencalonan antara Anwar dengan Ghafar, Dr Mahathir berkata beliau sendiri pernah melalui pengalaman di mana beliau menerima banyak pencalonan menjelang pemilihan parti.

"Pada tahun 1987, saya mendapat 80 peratus daripada pencalonan bahagian tetapi saya menang cuma 43 undi sahaja," katanya mengenai pertandingan bagi jawatan presiden Umno antara beliau dengan bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah.

Sebab itu, kata Dr Mahathir, Umno kini memperuntukkan undi kepada setiap pencalonan presiden dan timbalan presiden supaya sesiapa yang dicalonkan untuk jawatan itu akan mendapat kesan daripada pencalonan. --
Bernama.

AZZ RS

♥13/09/15-5RMST